

**Isu ceramah Anwar: Najib berminda JKKK, Kemas
Malaysiakini.com
March 8, 2011**

Dakwaan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bahawa ada pihak yang tidak menggalakkan ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim berceramah pada kempen pilihan raya kecil di Kerduau dan Merlimau, minggu lalu adalah suatu pembohongan.

Menurut timbalan ketua penerangan PAS Melaka, Yusof Wahab, tidak ada suatu keputusan pun dibuat oleh pihak jentera pilihan raya PAS yang menghalang Anwar daripada berceramah sepanjang kempen itu.

"Saya terlibat sebagai salah seorang ahli jawatankuasa jentera pilihanraya DUN Merlimau, kita tidak pernah pun berbincang dan mengambil keputusan sedemikian.

"Kalau Najib berkata ada SMS yang tidak suka Anwar datang ke Merlimau mungkin itu perang saraf dari jentera Umno sendiri, sesiapa pun boleh hantar SMS semacam itu" kata Yusof dalam satu kenyataan kepada Malaysiakini.

Katanya, semasa kempen pilihan raya kecil di Merlimau, minggu lalu banyak SMS yang bersifat provokasi dan fitnah yang dihantar oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Takkan seorang yang berjawatan Perdana Menteri sanggup menggunakan SMS yang tidak tahu dari mana asalnya sebagai hujah, jatuhlah 'standard'.

"Saya kesal dengan dakwaan ini kerana ia menggambarkan bahawa minda Perdana Menteri kita lebih kurang sama dengan minda JKKK atau Kemas" kata Yusof.

Beliau berkata hakikatnya, rakyat sentiasa dahagakan maklumat terkini daripada Anwar kerana mereka tahu ketua umum PKR itu mempunyai banyak maklumat sama ada daripada orang dalaman Umno mahupun dari sumber luar negara.

Umno sebenarnya dari dulu lagi mahu melaga-lagakan PAS dengan Anwar supaya perpaduan yang wujud kini hancur dan mereka akan mendapat keuntungan dari kehancuran Pakatan.

"Anwar memang digeruni oleh Umno-BN kerana beliau berjaya menyatukan semua parti-parti selain BN di Malaysia, Umno tahu selagi Pakatan kukuh selagi itulah BN akan tergugat, jadi mereka mesti dipecahkan walau dengan apa cara sekalipun" kata Yusof.